



***TALKING POINT***

**YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SESI TINJAUAN YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DARI  
JALAN RAJA MUDA MUSA KE JALAN RAJA ALANG DI KAMPONG  
BHARU**

**11 OKTOBER 2021 (ISNIN) (5.30 PETANG)**

## UCAPAN ALUAN

1. Mengucapkan terima kasih dengan kehadiran pengamal media.
2. **Sesi Tinjauan Dari Jalan Raja Muda Musa, Kampong Bharu Ke Jalan Raja Alang di Kampong Bharu** adalah merupakan salah satu Program Turun Padang (TUPA) dalam tempoh **100 Hari 100 TUPA YB Menteri Wilayah Persekutuan dan YB Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan**.
3. Program TUPA di Kampong Bharu telah diselaraskan oleh **Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB)** dengan kerjasama **Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)**, **Persatuan Pembangunan Kampong Bharu (PPKB)** dan **Persatuan Peniaga dan Kebajikan Pasar Minggu (PPKPM)**

## AKTIVITI SYURGA MAKANAN DARI JALAN RAJA MUDA MUSA KE JALAN RAJA ALANG DI KAMPONG

4. Tujuan program TUPA pada hari ini adalah meninjau dan mengenali pelbagai jenis juadah makanan rakyat Malaysia terutama makanan popular Kampong Bharu di sepanjang laluan **Jalan Raja Muda Musa sehingga Jalan Raja Alang di Kampong Bharu** yang dikenali sebagai **syurga makanan**.
5. Kampong Bharu yang terletak di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur merupakan kawasan yang strategik, sering dikunjungi oleh warga kota termasuk pengunjung dari dalam dan luar negara untuk mendapatkan pelbagai juadah masakan Melayu.

6. Terdapat pelbagai **menu masakan popular di Kampong Bharu** antaranya, bubur lambuk, nasi padang, sate padang, nasi lemak, ayam penyek dan pelbagai jenis kuih muih tradisional Melayu..
7. Keunikan menu-menu makanan ini telah menjadi tarikan warga kota dan pelancong untuk merasai pelbagai juadah dan berkunjung ke gerai makanan di Kampong Bharu.

### **PROJEK PERKONGSIAN RUANG (SHARED SPACE) JALAN RAJA MUDA MUSA KAMPONG BHARU**

8. Bagi merencanakan aktiviti syurga makanan di Jalan Raja Muda Musa dan Jalan Raja Alang, satu **Projek Perkongsian Ruang (Shared Space) Jalan Raja Muda Musa Kampong Bharu** akan dilaksanakan pada tahun ini. Projek ini akan menjadi pemangkin pertumbuhan produk pelancongan di Kampong Bharu dan seterusnya berpotensi untuk dikembangkan.
9. Selain daripada itu, **Projek Perkongsian Ruang (Shared Space) ini juga akan membantu menangani** isu seperti **kesesakan lalulintas, isu peniaga/penjaja, kebersihan dan keindahan** Jalan Raja Muda Musa.
10. **PKB telah memajukan cadangan ini kepada DBKL** untuk menaik taraf **Jalan Raja Muda Musa dan juga Jalan Raja Alang** sebagai 'Ruang Perkongsian' susulan dari lawatan Datuk Bandar Kuala Lumpur pada Januari tahun 2019.

11. **Datuk Bandar telah bersetuju dengan cadangan PKB** untuk menaiktaraf Jalan Raja Muda Musa (Fasa 1) sebagai perintis 'Ruang Perkongsian'.
12. **Projek ini akan dilaksanakan oleh DBKL pada tahun 2021** juga.
13. Projek Perkongsian Ruang (Shared Space) Jalan Raja Muda Musa Kampong Bharu ini dijangka akan **menyelesaikan beberapa isu** yang telah dibangkitkan oleh peniaga dan masyarakat di Kampong Bharu.